

Tiga buah sekolah sertai Program Motivasi Pencapaian anjuran Fakulti Psikologi dan Pendidikan

UB 23.03.2017 85



DARI KAMPUS

TIGA program motivasi pencapaian berjaya dijalankan serentak di tiga buah sekolah angkat UMS 04 Mac 2017.

Pelaksanaan tiga program serentak dalam sehari adalah cetusan idea daripada Prof. Madya Dr. Ismail Ali, Timbalan Naib Canselor, Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (HEPA) yang dilaksanakan oleh Fakulti Psikologi dan Pendidikan. Tiga buah sekolah angkat UMS yang terlibat ialah Kolej Tingkatan Enam, Kota Kinabalu, SMK Bongawan 1, Papar dan SMK Apin-Apin, Keningau.

Program ini disertai oleh 89 orang pelajar Fakulti Psikologi dan Pendidikan (FPP) daripada 8 buah program di FPP, tiga orang pelajar mobiliti daripada Universiti Utara Malaysia (UUM) dan lima orang pelajar mobiliti daripada Universitas Mercu Buana (UMB), Jakarta.



MAJLIS Pelancaran Program di Fakulti Psikologi dan Pendidikan serta gambar rombongan pelajar dan pegawai pengiring sebelum bertolak ke sekolah masing-masing.

Seramai 297 orang pelajar sekolah masing-masing iaitu 105 orang dari SMK Apin-Apin, 42 orang dari Kolej Tingkatan Enam dan 150 orang dari SMK Bongawan turut serta dalam program ini.

Setiap rombongan pelajar UMS masing-masing diiringi oleh dua orang pensyarah FPP. Pensyarah yang terlibat ialah Dr. Getrude Cosmas, selaku penyelaras bagi tiga program ini, Dr. Lailawati

Madlan, Dr Norzihan Ayub, Dr. Musirin Mosin, Dr. Connie Shin dan Puan Norhamidah Jarimal. Pengarah program bagi tiga buah sekolah terdiri daripada saudara Mohd Shazuan Al-Rahim, saudara Hj Md Mukmin Bin Hj Said dan saudari Nur Adlina Bte Yunus.

Menurut Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni, Prof Madya Dr. Ismail Ali, Program yang diadakan di tiga buah sekolah angkat UMS ini diharap akan dapat memberi impak


yang positif kepada pihak sekolah terutamanya kepada para pelajar yang terlibat agar meneruskan usaha untuk mempertingkatkan kecemerlangan akademik pelajar sekolah menengah di bandar maupun di luar bandar.

Kandungan aktiviti dan ceramah motivasi pencapaian bagi ketiga buah sekolah diselaraskan bagi mencapai objektif program. Antara objektif program ini adalah untuk meningkatkan motivasi pencapaian dalam kalangan

pelajar sekolah bagi membantu meningkatkan kecemerlangan dan pencapaian akademik



GAMBAR AJK program bersama pelajar di Kolej Tingkatan Enam Kota Kinabalu.



MAJLIS Pelancaran Program di Fakulti Psikologi dan Pendidikan serta gambar rombongan pelajar dan pegawai pengiring sebelum bertolak ke sekolah masing-masing.

mereka. Objektif program ini selari dengan tema program iaitu 'Strive for excellence: Achieving academic goals'. Menerusi program ini juga diharap akan dapat meningkatkan kerjasama antara mahasiswa FPP

daripada pelbagai program dan pelajar mobiliti di FPP. Para mahasiswa yang mengikuti program ini juga akan dapat meningkatkan kemahiran dalam merancang, melaksana dan mengendalikan aktiviti program yang dijalankan. Program seumpama ini diharapkan dapat memberikan motivasi dalam meningkatkan kecemerlangan para peserta program dalam aspek akademik maupun sahsiah. Program seperti ini juga diharapkan dapat dilaksanakan lagi pada masa akan datang dengan menyasarkan lebih ramai pelajar sekolah menengah di bandar maupun di pedalaman Sabah.



GAMBAR AJK program di SMK Bongawan, Papar.



GAMBAR AJK program bersama pelajar di SMK Apin-Apin, Keningau.

PENSYARAH FPP yang terlibat dalam Program Motivasi Pencapaian: Dr. Connie Shin, Dr. Lailawati Madlan, Dr. Norzihan Ayub, Dr. Getrude Cosmas, Dr. Musirin Musirin Mosin dan Puan Norhamidah Jarimal.